

**TEMERLOH:** Kemahiran dimiliki memberi kelebihan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) pada semua peringkat terbabit secara langsung dalam operasi memadam kebakaran hutan yang berlaku setiap tahun di negeri ini.

Gandingan kemahiran dan kelengkapan peralatan yang ada memudahkan seterusnya melancarkan setiap operasi memadam kebakaran yang akan turut disertai oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Seorang kakitangan JPNP, Mohd Yusof Abdul Rahman, 30 berkata tanpa kemahiran sukar untuk individu berkenaan terbabit dalam operasi memadam kebakaran terutama memabitkan kawasan paya gambut yang terdedah kepada berlakunya kejadian lemas dalam asap dan dihempap pokok.

Beliau berkata, dengan adanya kemahiran mereka yang terbabit dengan operasi memadam kebakaran bukan saja mampu menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan, malah turut mampu mengelak berlakunya kejadian yang tidak diinginkan.

“Selain kemahiran, semangat dan kesungguhan juga perlu ada pada seseorang dalam usaha memastikan kebakaran hutan dapat dikawal dengan



**MOHD KHAIRI (kiri) melihat sijil penyertaan peserta Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Hutan di Pejabat Ladang Hutan Kemasul, Mentakab.**

MOHD RAFI MAMAT | BERITA HARIAN

## Kakitangan JPNP berupaya bantu padam kebakaran

menggunakan apa juga cara yang sesuai bergantung kepada jenis hutan termasuk faktor angin, taburan pokok dan jumlah anggota,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Hutan yang dilaku-

kan oleh Timbalan Pengarah JPNP, Datuk Mohd Khairi Mohd Nasib di Pejabat Ladang Hutan Kemasul, Mentakab, dekat sini.

Kursus tiga hari itu disertai 49 kakitangan JPNP seluruh negeri dianjurkan oleh Pejabat Ladang Hutan Kemasul dengan kerjasama Balai Bomba dan

Penyelamat Mentakab dan Temerloh.

Seorang pemandu, Muhamad Ibrahim, 48 berkata, penganjuran kursus seperti ini memberi pendedahan cara dan kaedah yang sesuai untuk memadam kebakaran hutan memabitkan kawasan paya gambut, hutan pamah dan berbukit.